



**Petugas Majlis Perbandaran Kuantan ketika operasi merobohkan papan iklan dan papan tanda di sekitar Jalan Kuantan-Gambang, semalam.**

# MPK roboh papan iklan ganggu trafik

Berita Harian 10/3/2017

**Kuantan:** Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) merobohkan 200 papan tanda iklan haram di sepanjang Jalan Kuantan-Gambang dalam operasi bersepadu selama dua hari berakhir semalam.

Ketua Seksyen Perhubungan Awamnya, Izad Zainal Muhammad Safian, berkata operasi bertujuan membanteras iklan haram

yang berleluasa di sepanjang jalan berkenaan selain memastikan keceriaan bandar ini.

Gerakan itu juga, katanya, bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya berikutan sebahagian papan tanda iklan haram di kedua-dua hala laluan itu turut menghalang penglihatan.

“Ada papan tanda dipasang ter-

lalu hampir dengan bahu jalan, sekali gus menimbulkan bahaya kepada pengguna kenderaan terutama penunggang motosikal kerana menghalang pandangan di persimpangan sepanjang jalan berkenaan.

## Cacat pemandangan

“Papan tanda haram juga men-

catkan pemandangan pengunjung yang memasuki bandar Kuantan melalui Plaza tol Gambang. Susunannya tidak teratur dan bahasa tidak bersesuaian boleh memberi kesan negatif kepada Tahun Melawat Pahang 2017,” katanya.

Katanya, MPK perlu bertindak tegas supaya pihak yang mema-

sang papan tanda iklan haram tidak lagi bertindak demikian di tanah rizab kerajaan negeri tanpa kebenaran.

“Mereka tidak dibenarkan memasang papan tanda di tanah kerajaan. Jika berhasrat berbuat demikian, ia hendaklah dipasang di tanah perundangan dengan syarat mendapat kebenaran MPK,” katanya.